

Kadar inflasi kekal rendah 1.8 peratus pada bulan lalu

Empat negeri rekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional

Oleh Alzahrin Alias
bhbiz@bh.com.my@bh.com.my

Kadar inflasi keseluruhan Malaysia yang diukur menerusi Indeks Harga Pengguna (IHP) kekal rendah sebanyak 1.8 peratus pada April 2024, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ia juga adalah kadar sama sejak Februari dengan mata indeks mencatatkan 132.4 berbanding 130.0 pada bulan sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kadar inflasi negara itu juga adalah lebih rendah berbanding inflasi di negara lain seperti Vietnam (4.4 peratus), Filipina (3.8 peratus), Amerika Syarikat (3.4 peratus), Indonesia (3.0 peratus) dan Korea Selatan (2.9 peratus).

Beliau berkata, kadar inflasi pada April didorong peningkatan bagi kumpulan utama restoran & perkhidmatan penginapan (3.5 peratus); penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan (3.1 peratus) dan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain pada 3.0 peratus.

"Makanan & minuman dan pengangkutan pula masing-masing



Kadar inflasi makanan & minuman dan pengangkutan masing-masing mencatatkan peningkatan 2.0 peratus dan 0.8 peratus pada April.

(Foto hiasan)

ing mencatatkan peningkatan 2.0 peratus dan 0.8 peratus.

"Inflasi restoran & perkhidmatan penginapan meningkat kepada 3.5 peratus pada April berbanding 3.0 peratus pada Mac.

"Ini disumbangkan oleh peningkatan subkumpulan utama perkhidmatan penyediaan minuman, 3.9 peratus (Mac 2024: 3.7 peratus) dan perkhidmatan penginapan pada 2.4 peratus (Mac 2024: 0.6 peratus)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kadar inflasi negeri

Mohd Uzir berkata, mengikut kadar inflasi di setiap negeri pula, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional 1.8 peratus.

Walau bagaimanapun beliau

berkata, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional, iaitu Pulau Pinang (3.2 peratus), Sarawak (2.8 peratus), Pahang (2.4 peratus) dan Selangor (2.2 peratus).

Semua negeri katanya, mencatatkan peningkatan inflasi makanan & minuman.

Peningkatan tertinggi katanya, dicatatkan oleh Selangor pada 3.7 peratus, diikuti Pulau Pinang (3.1 peratus), Putrajaya (2.9 peratus) dan Sarawak (2.1 peratus).

Sementara itu, katanya, negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi makanan & minuman nasional, iaitu 2.0 peratus pada April.

Katanya, inflasi keseluruhan secara bulanan merekodkan kenaikan 0.2 peratus berbanding

0.1 peratus yang dicatatkan pada Mac 2024.

"Peningkatan ini didorong oleh penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan (0.9 peratus); rekreasi, sukan & kebudayaan (0.8 peratus) dan restoran & perkhidmatan penginapan (0.3 peratus).

"Sementara itu, inflasi teras pada April 2024 meningkat kepada 1.9 peratus berbanding 1.7 peratus yang direkodkan pada Mac didorong, terutama oleh restoran & perkhidmatan penginapan dan makanan & minuman yang masing-masing meningkat pada 3.5 peratus dan 3.2 peratus diikuti oleh penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan (3.1 peratus)," katanya.